

Iasnin

17 Julai 2017



**MALAYSIA**

**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH  
AHLI DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
彭加勒五  
MESYUARAT PERTAMA**

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 17 Julai 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 Petang**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

**LANTIKAN BARU**

1. Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif

*[Upacara Mengangkat Sumpah Tamat]*

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan lantikan baru Yang Berhormat Senator, Puan Sopiah binti Sharif oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ahli Dewan Negara... *[Tepuk]*

Pelantikan tersebut merupakan suatu pengiktirafan kerajaan terhadap kesanggupan Yang Berhormat untuk berkhidmat dengan cemerlang untuk negara dan masyarakat.

Pelantikan Ahli Yang Berhormat memberi peluang baru kepada Yang Berhormat untuk memberi khidmat bakti dan sumbangan kepada bangsa dan negara.

Saya yakin Ahli Yang Berhormat akan menyumbang ke arah mempertingkatkan mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini.

Saya juga yakin Yang Berhormat akan patuh kepada ikrar taat setia Perlembagaan Negara, peraturan-peraturan mesyuarat serta prinsip-prinsip universal dalam piagam negara yang menekankan antara lain keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta keperibadian mulia yang menjawai Demokrasi Berparlimen.

Demokrasi adalah konsep yang indah dan perlu dibina atas sifat yang beradab dan sopan disertai dengan pemikiran yang terbuka serta rasional. Sifat yang mulia dan luhur adalah penting ditonjolkan sebagai contoh teladan yang terpuji bukan sahaja dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen tetapi jauh penting lagi dalam kalangan khalayak ramai terutamanya generasi muda.

Akhir sekali, saya mendoakan agar Ahli Yang Berhormat akan mendukung visi rakyat secara gigih ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan.

Dengan kata-kata itu maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini. Terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 14.38 petang]***